


4. POLISI BAYARAN PEMUDAHCARA

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

Unit Integriti & Governans



POLISI BAYARAN PEMUDAHCARA

KANDUNGAN

1	PENDAHULUAN	3
2	OBJEKTIF	3
3	DEFINISI / TAFSIRAN	4
4	SKOP PEMAKAIAN	5
5	PENGUATKUASAAN & PEMANTAUAN	5
6	PERNYATAAN POLISI	6
7	LARANGAN BAYARAN PEMUDAHCARA	6
8	PEMATUHAN	7
9	PENUTUP	7

1

PENDAHULUAN

Bayaran Pemudahcara merupakan istilah yang sering digunakan untuk bayaran peribadi dan secara tidak sah / tidak rasmi yang dibuat sebagai balasan terhadap sesuatu perkhidmatan yang dibekalkan. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) melarang sebarang bayaran pemudahcara yang melibatkan pembayaran atau faedah tidak rasmi dan tidak wajar, termasuk hadiah atau keraian untuk mendapatkan atau mempercepatkan tindakan rutin atau perlu kerana ia dilihat sebagai satu bentuk rasuah.

2

OBJEKTIF

Polisi ini diwujudkan untuk dijadikan panduan serta tanggungjawab kepada Warga Kerja PKNPk dalam pencegahan, pengesanan dan pelaporan apa-apa bentuk rasuah. Sekiranya mana-mana Warga Kerja PKNPk ditawarkan rasuah atau Warga Kerja PKNPk boleh menjadi mangsa sesuatu aktiviti yang menyalahi undang-undang, maka hendaklah dia melaporkan kepada Unit Integriti dan Governans atau Ketua Eksekutif PKNPk dengan segera.

3.1 Pihak Ketiga

Mana-mana individu atau organisasi yang dihubungi oleh Warga Kerja PKNPk semasa bertugas untuk PKNPk dan anak syarikat. Ini termasuk pelanggan sedia ada dan pelanggan berpotensi, kontraktor, pembekal, rakan strategik, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), penasihat, wakil, ahli politik dan parti politik serta mana-mana pihak yang berurusan dengan PKNPk.

3.2 Bayaran Pemudahcara

Bayaran atau peruntukan lain yang dibuat secara peribadi kepada individu yang mengawal proses atau keputusan. Ia diberikan bagi:

- i. mempercepatkan tugas atau fungsi rutin;
- ii. mempercepatkan pentadbiran; atau
- iii. menjamin keputusan yang menyebelahi pihak yang membuat bayaran pemudahcara.

3.3 Warga Kerja PKNPk

Pegawai dan warga kerja yang berkhidmat di PKNPk dan anak syarikat yang mana PKNPk mempunyai kepentingan majoriti, yang dilantik sama ada secara tetap atau pinjam khidmat.

3.4 UIG

Bermaksud Unit Integriti & Governans.

4

SKOP PEMAKAIAN

Polisi ini adalah terpakai kepada semua Warga Kerja PKNPk dan kontraktor, konsultan, pelanggan, pembekal dan *stakeholder* / pihak berkepentingan PKNPk serta orang awam, yang berurusan dengan PKNPk. Polisi ini perlu dibaca bersama Enakmen Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) serta peraturan dan prosedur semasa yang disuai pakai oleh PKNPk.

5

PENGUATKUASAAN & PEMANTAUAN

- 5.1 Pemakaian polisi ini akan mula berkuatkuasa pada tarikh diluluskan oleh Lembaga Pengarah PKNPk.
- 5.2 Polisi akan dikaji dari semasa ke semasa dan akan ditambahbaik jika perlu oleh UIG PKNPk.
- 5.3 Maklumat berkaitan polisi ini akan dimaklumkan kepada Warga Kerja PKNPk melalui saluran dalaman dan dimuat naik ke dalam portal rasmi PKNPk.

6

PERNYATAAN POLISI

- 6.1 PKNPk sentiasa berusaha untuk menerapkan, memperkemas dan memperkukuhkan aspek integriti, akauntabiliti dan tadbir urus terbaik dalam semua urusan.
- 6.2 PKNPk bertindak dengan penuh integriti dalam semua aktiviti perniagaan dan mematuhi undang-undang serta peraturan yang telah ditetapkan. PKNPk tidak bertolak ansur atas tindakan atau tingkah laku yang tidak beretika secara langsung atau tidak langsung.

7

LARANGAN BAYARAN PEMUDAHCARA

- 7.1 Orang awam atau Pihak Ketiga yang berurusan dengan PKNPk tidak boleh membuat sebarang Bayaran Pemudahcara untuk atau bagi pihak PKNPk.
- 7.2 PKNPk melarang Bayaran Pemudahcara yang melibatkan pembayaran atau faedah yang tidak rasmi untuk mendapatkan atau mempercepatkan tindakan rutin kerana ia boleh dianggap sebagai rasuah.
- 7.3 Semua Warga Kerja PKNPk, Pihak Ketiga atau orang awam yang terlibat dalam mana-mana perniagaan yang berurusan dengan PKNPk tidak boleh menawarkan, memberi, meminta atau menerima apa-apa yang boleh dianggap sebagai Bayaran Pemudahcara.
- 7.4 Pihak Ketiga atau orang awam perlu melaporkan dengan segera kepada PKNPk sekiranya terdapat Warga Kerja PKNPk yang meminta bayaran pemudahcara.

8

PEMATUHAN

Kegagalan atau keengganan Warga Kerja PKNPk serta anak syarikat mematuhi polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah kaedah Tatatertib Badan - Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) atau apa-apa peruntukan, garis panduan, polisi, peraturan sedia ada yang terpakai di PKNPk.

9

PENUTUP

Warga Kerja PKNPk serta anak syarikat harus, pada setiap masa, elakkan diri daripada sebarang aktiviti yang mungkin menyebabkan berlakunya pelanggaran kepada polisi ini. Warga Kerja PKNPk digalakkan untuk melaporkan apa-apa penyelewengan pada peringkat awal melalui prosedur pelaporan yang telah disediakan.



مريدانن كمالجوان نكزي فراق
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

TERIMA KASIH

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

Unit Integriti & Governans

